

Rais mempunyai asas kritik pihak berkuasa — PM

UM 30 MAY 2002

Oleh ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 29 Mei — Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim, mempunyai asas semasa mengkritik sikap pihak berkuasa ketika menyiasat kes-kes pecah amanah yang berprofil tinggi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Rais telah menjelaskan bahawa kenyataannya itu dibuat berasaskan fakta.

“Ya, beliau telah menerangkan kepada saya mengenainya dan saya fikir ada sebab yang

mendorong beliau membuat kenyataan itu dan kita sedang menelitinya,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Kongres Dunia Ke-53 Persekutuan Hartanah Antarabangsa (FIABCI) 2002 di sini hari ini.

Perdana Menteri ditanya sama ada Kabinet membincangkan mengenai kritikan Rais terhadap pihak berkuasa yang bersikap ‘hangat-hangat tahi ayam’ ketika menjalankan siasatan kes-kes pecah amanah membabitkan individu atau organisasi tertentu.

Pada 23 Mei lalu, Rais mengkritik sikap

pihak berkuasa yang didakwanya menyebabkan beberapa kes hanya ‘panas’ ketika di awal siasatan tetapi akhirnya senyap begitu sahaja walaupun terdapat bukti berlakunya penyelewengan.

Rais turut mendakwa fenomena itu seolah-olah menjadi satu trend dalam beberapa siasatan kes pecah amanah sejak kebelakangan ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri

■ Lihat muka 4

Rais mempunyai asas kritik pihak berkuasa — PM

UM 30 MAY 2002

Abdullah Ahmad Badawi yang mengulas kenyataan tersebut bagaimanapun menafikan kerajaan mengetepikan kes besar yang melibatkan individu berprofil tinggi.

Abdullah menegaskan, tidak ada sebarang arahan dikeluarkan kepada mana-mana pihak berkuasa untuk memberhentikan siasatan kes-kes yang disifatkan sebagai ‘panas’ dan mendapat perhatian umum.

Kelmarin, Dr. Mahathir yang turut mengulas kritikan Rais menyifatkan kenyataan itu sebagai tidak adil.

Ini kerana beliau berkata, pihak berkuasa perlu menjalankan siasatan terperinci sebelum sebarang pendakwaan dapat dibuat.

Ditanya sama ada kenyataan Rais dibuat berasaskan fakta, Perdana Menteri mengiyakannya.

“Tetapi katanya (Rais) bukan dia menuh sesiapa. Hakikatnya ada perkara-perkara yang digembar-gemburkan oleh media seolah-olah orang itu sudah salah. Lepas itu, senyap begitu sahaja. Kalau pun orang itu tidak salah sepatutnya diberitahulah tak salah,” katanya.

Perdana Menteri kesal kerana dalam banyak kes media memainkan peranan untuk menonjolkan sesuatu umpamanya menggambarkan seorang penjenayah sebagai hero.

“Seorang yang diketahui penjenayah apabila balik dari luar negara, dia disambut oleh media seperti hero dan diberi layanan yang istimewa. Sedangkan kita tahu dia adalah seorang penjenayah yang lari dari Malaysia beberapa tahun, tak berani balik kerana takut ditangkap.

“Sekarang ini, dia balik seperti hero dan semua orang nak lapor tentang dia itu dan ini,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak faham apa tujuan media hendak menjadikan orang seperti itu sebagai hero.

Ditanya adakah beliau merujuk kepada Soh Chee Wen dengan kenyataannya itu, Perdana Menteri menyerahkan kepada media untuk membuat tekaan.